



PERUTUSAN DATUK BANDAR
MESYUARAT MAJLIS BIL. 3/2018 (PENGGAL 2018/2020)
25 SEPTEMBER 2018 (15 MUHARAM 1440H)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan seterusnya warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah bersama-sama dalam memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis bagi memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Selaku Datuk Bandar Petaling Jaya, saya akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada warga Petaling Jaya. Bersesuaian dengan aspirasi dan kehendak penduduk Petaling Jaya, komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan di antara satu sama lain adalah elemen terpenting yang perlu dikehodapankan.

2. KUMPULAN WANG PERKHIDMATAN KEMAJUAN

Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (*Improvement Service Fund*) (ISF) merupakan satu bentuk kutipan wang berkaitan kerja-kerja infrastruktur di bawah Seksyen 132 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Kumpulan wang ini boleh digunakan untuk memperelokkan, membina atau menyusun atur sesuatu jalan, parit pembetung, saluran atau alur air.

Penubuhan Tabung Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan adalah bertujuan memastikan pihak pemaju menjelaskan bayaran selaras sebelum kelulusan kebenaran merancang, kutipan yang berterusan menghasilkan dana yang tersedia bagi perlaksanaan kerja-kerja infrastruktur.

Melalui ini, Jabatan Kejuruteraan MBPJ masih boleh menetapkan syarat-syarat pembinaan jalan dan mengutip bayaran selain ISF bagi kerja-kerja melibatkan infrastruktur yang berkaitan berdasarkan peruntukan yang sedia ada. Kerja-kerja infrastruktur yang di perlukan di atas tanah pemaju akan disyaratkan untuk dibina oleh pemaju sendiri semasa kelulusan kebenaran merancang.

Bagi kerja-kerja infrastruktur yang besar (yang dikenalpasti hasil dari kajian oleh perunding) di luar tanah pemaju, Jabatan Kejuruteraan akan melantik perunding untuk menetapkan reka bentuk serta menentukan kos untuk diagihkan kepada pemaju-pemaju di sekitar tapak kemudahan tersebut.

Dari segi peruntukan undang-undang pula, Seksyen 132 Akta Jalan, Parit dan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), ‘Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan’ hendaklah ditubuhkan dalam setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Adalah dengan itu, ianya hendaklah dibayar ke dalamnya wang yang mungkin dibayar dari semasa ke semasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi maksud menjalankan peruntukan ini.

Walaubagaimanapun, terdapat beberapa pembangunan yang dikecualikan. Pembangunan tersebut adalah **kediaman kos rendah** (harga RM42,000.00 dan kurang), bangunan yang diguna bagi **tujuan**

ibadat dan keagamaan, pembangunan yang melibatkan **tambahan** dan perubahan kepada bangunan sedia ada, pembangunan **sekolah kerajaan** dan **sekolah bantuan penuh kerajaan** dan pembangunan **institusi pendidikan dan pembangunan bagi tujuan keagamaan dan kebajikan** seperti yang akan diperhalusi oleh Majlis.

Data Kutipan/Perbelanjaan Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan

Tahun	Kutipan	Perbelanjaan
2010	RM 4,877,539.61	RM 0
2011	RM 13,866,494.42	RM 3,435,828.35
2012	RM 7,224,844.24	RM 3,244,722.32
2013	RM 6,226,896.10	RM 7,154,581.28
2014	RM 5,330,478.12	RM 9,567,424.38
2015	RM 26,555,991.29	RM 30,595,193.24
2016	RM 7,436,188.21	RM 8,650,497.72
2017	RM 3,876,380.42	RM 9,733,745.15
2018 (31Ogos)	RM 2,858,040.95	RM 864,614.90

Projek-projek terlibat

Projek	Status
Menaiktaraf Jalan Tanjung sehingga persimpangan Jalan Tropicana Utara dan Lebuh Bandar Utama	Siap
Pangsapuri Kos Rendah Vista Subang	Siap
Menurap Jalan PJU 1A/1	Siap
Pembaikan runtuhannya tembok Sungai Penchala	Siap
Melebarkan Jalan PJU 1A/4F	Siap
Merekabentuk dan membina jalan keluar masuk baru untuk Pangaspuri Kos Rendah Vista Subang	Siap
Bayaran kepada perunding bagi kajian sistem jalan sehala di Jalan Timur-Jalan Barat	Siap

Pelebaran persimpangan bertingkat Bandar Utama	Siap
Pembinaan <i>Soil Nailing</i> (memaku tanah) dan membina sistem perparitan di Jalan 5/60	Siap

Tujuan akaun amanah Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF) adalah **mengakaunkan serta membolehkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya menguruskan sumbangan daripada pemaju yang disampaikan kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk Akaun Amanah dari semasa ke semasa.**

Keanggotaan Jawatankuasa Pentadbiran Akaun Amanah terdiri daripada Datuk Bandar (Pengerusi), Timbalan Datuk Bandar (Timbalan Pengerusi), Pengarah Jabatan Perbendaharaan (Ahli), Penasihat Undang-Undang (Ahli) dan Pengarah Jabatan Kejuruteraan (Urusetia). Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa adalah:

- Memutuskan dasar dan tatacara berhubung dengan penerimaan dan penggunaan wang dalam akaun selaras dengan tujuan akaun.
- Menentukan semua laporan dan penyata berhubung akaun disediakan sebagaimana yang ditetapkan dalam arahan perbendaharaan dan pekeliling yang berkaitan.
- Meluluskan anggaran perbelanjaan tahunan akaun dan anggaran perbelanjaan tambahan akaun.

3. PRESTASI PELABURAN NEGERI SELANGOR SEPANJANG TAHUN 2017

Negeri Selangor dengan keluasan 8,104 kilometer persegi adalah sebuah negeri yang sedang giat dan terus membangun dengan pesatnya sehingga ke hari ini. Pewujudan dasar-dasar kerajaan yang mesra pelabur oleh kerajaan Malaysia dan kerajaan negeri Selangor selain dipacu oleh perkembangan ekonomi yang kukuh dan rancak merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kepesatan pembangunan di Malaysia amnya dan negeri Selangor khasnya. Pelbagai sektor turut memainkan peranan penting di dalam memacu perkembangan ekonomi di negeri Selangor, khasnya sektor perkhidmatan dan perindustrian yang dilihat sebagai antara penyumbang utama kepada perkembangan ekonomi negeri.

Hal ini dibuktikan melalui data terkini yang dikeluarkan oleh pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang menunjukkan bahawa sepanjang tahun 2017, jumlah nilai pelaburan keseluruhan yang diluluskan bagi sektor perindustrian telah mencatatkan peningkatan kepada **RM 63.6 billion** berbanding tahun sebelumnya. Ini adalah berdasarkan kepada faktor pemulihan ekonomi dunia yang dilihat sedikit sebanyak berjaya mengembalikan semula keyakinan pelabur untuk melabur di Malaysia sekaligus meningkatkan jumlah nilai pelaburan keseluruhan yang masuk ke Malaysia. Daripada jumlah ini, negeri Johor menduduki tempat pertama dengan penerimaan nilai pelaburan sebanyak RM 21.9 billion. Ini diikuti oleh Pulau Pinang yang mencatatkan nilai pelaburan sebanyak RM 10.8 billion dan Sarawak ditempat ketiga dengan RM 10.5 billion.

Negeri Selangor pula berkedudukan ditempat keempat dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 5.5 billion yang merangkumi 202 projek. Daripada jumlah tersebut, 687 projek perindustrian telah

diluluskan secara keseluruhan yang diwakili oleh RM 42.1 billion Pelaburan Tempatan dan RM 21.5 billion Pelaburan Asing.

JADUAL 1 : PROJEK YANG DILULUSKAN MENGIKUT NEGERI, JAN – DIS 2017

Bil.	Negeri	Jumlah Projek	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Nilai Pelaburan (RM)
1	Johor	146	16,825,064,701	5,102,708,911	21,927,773,612
2	Pulau Pinang	120	2,271,389,590	8,540,493,588	10,811,883,178
3	Sarawak	20	10,182,900,344	351,489,945	10,534,390,289
4	Selangor	202	3,427,583,083	2,164,898,536	5,592,481,619
5	Melaka	37	2,396,891,660	2,257,779,699	4,654,671,359
6	Pahang	19	2,138,864,364	823,137,947	2,962,002,310
7	Kedah	41	1,374,858,158	1,160,094,013	2,534,952,171
8	Perak	45	1,673,125,203	333,969,245	2,007,094,448
9	Negeri Sembilan	28	382,323,197	724,145,947	1,106,469,144
10	Sabah	14	740,228,719	45,017,489	785,246,208
11	Perlis	3	525,000,000	0	525,000,000
12	W.P. - Kuala Lumpur	7	161,868,215	3,606,778	165,474,993
13	Terengganu	4	37,508,416	35,615,300	73,123,716
14	Kelantan	1	4,200,000	0	4,200,000
	Jumlah	687	42,141,805,651	21,542,957,396	63,684,763,047

Sumber: MIDA

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa aktiviti pelaburan di negeri Selangor khasnya dan Malaysia amnya dijangka akan mengalami pemulihan pada tahun 2018. Ini bersandarkan kepada peningkatan jumlah pelaburan yang masuk ke Malaysia pada tahun 2017 berbanding tahun sebelumnya. Faktor pemulihan ekonomi dunia yang boleh dilihat pada ketika ini turut memainkan peranan penting di dalam menentukan jumlah nilai pelaburan yang masuk ke dalam negara.

Kerajaan Persekutuan khasnya perlu memberikan tumpuan khusus dan galakan kepada pelabur tempatan memandangkan Nilai Pelaburan Tempatan yang diperolehi pada ketika ini mengatasi pelaburan asing

yang masuk ke Malaysia dan negeri Selangor. Ini bersandarkan kepada keyakinan yang tinggi di kalangan para pelabur tempatan yang terus menjadikan negeri Selangor sebagai destinasi utama pilihan mereka untuk melabur dan mengembangkan perniagaan mereka.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya juga dijangka turut merasa tempias daripada pemulihan ekonomi dunia apabila aktiviti pembangunan di daerah Petaling khususnya di Petaling Jaya dijangka akan kembali pulih dan rancak seperti sediakala. Ini dikukuhkan lagi melalui data terbaru yang dikeluarkan oleh Unit Pusat Setempat (OSC) MBPJ di mana jumlah permohonan pelan bangunan yang diterima pada tahun 2016 oleh Majlis adalah sebanyak 61 permohonan sahaja.

Akan tetapi, jumlah permohonan pelan bangunan yang diterima pada tahun 2017 meningkat mendadak kepada 971 permohonan. Peningkatan yang ketara ini telah membuktikan bahawa tahap pencapaian ekonomi yang semakin pulih di samping keyakinan tinggi di kalangan para pelabur untuk kembali melabur dan melaksanakan projek pembangunan di Petaling Jaya.

4. KEBERSIHAN TANDAS AWAM TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Menurut kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), sekurang-kurangnya 900 juta pelajar menghadapi risiko dijangkiti penyakit dan ada yang tidak pergi ke sekolah kerana hampir separuh sekolah di seluruh dunia menghadapi masalah tandas kotor, kekurangan air bersih dan kemudahan mencuci tangan.

Keadaan ini juga, jika dibiarkan dan tiada pemberian dilakukan, ada kemungkinan kanak-kanak tidak mahu ke sekolah kerana ketiadaan tandas. Kemudian, jika mereka berada di sekolah, mereka tidak berada dalam suasana baik kerana tidak dapat menggunakan tandas atau kekurangan air bersih. Kenyataan ini disokong oleh Dr Rick Johnston yang mengetuai penyelidikan bagi WHO ini.

Manakala menurut laporan bersama Tabung Kanak-Kanak Antarabangsa (UNICEF), Kekurangan air dan kemudahan kebersihan boleh menjaskan kesihatan, termasuk membawa maut. Ini mendapati, satu pertiga sekolah rendah dan menengah kekurangan air bersih dan ini membabitkan 570 juta kanak-kanak manakala lebih sepertiga sekolah kekurangan tandas, membabitkan lebih 620 juta pelajar.

Selain itu, hampir satu setiap lima sekolah rendah dan satu setiap lapan sekolah menengah dikelaskan sebagai tidak memiliki sistem atau kemudahan kebersihan seperti kelengkapan membasuh tangan, membabitkan hampir 900 juta kanak-kanak.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya komited dalam melaksanakan pembersihan dan menjaga kebersihan di tempat awam. Mana-mana tandas awam yang sejumlah 14 di bawah seliaan Majlis akan dipastikan ianya berada dalam keadaan sentiasa bersih. Segala jadual pencucian, pembersihan dan penjagaan tandas akan dipantau oleh pengawas yang dilantik. Ini bagi memastikan segala kemudahan awam di bawah seliaan Majlis untuk kegunaan orang ramai akan dipastikan sentiasa berada dalam keadaan baik, selesa dan bersih.

5. KESIHATAN DAN KEBERSIHAN DI PETALING JAYA

5.1 KES DENGGI DI PETALING JAYA

Jumlah kes demam denggi bagi tahun 2018 sehingga minggu epid 36 adalah sejumlah **2361 kes** telah direkodkan. Jumlah ini menunjukkan **penurunan** kes sebanyak **14 peratus** berbanding tempoh yang sama tahun 2017. Tiada kes kematian dilaporkan setakat ini. Jumlah ini juga adalah yang terendah berbanding 2 PBT lain di daerah Petaling.

Manakala jumlah lokaliti wabak sehingga minggu epid 36 berakhir pada 8 September 2018 adalah **12 lokaliti wabak**. Bilangan Kawasan Hotspot Terkini Dilaporkan (Sehingga 13/9/2018)

Bil	Senarai Nama Lokaliti Wabak	Jumlah Kes Terkini	Wabak Di JangkaTamat
1	BG SEKSYEN 17 TERES A : JLN 17/2, 17/4, 17/6, 17/11, 17/19	20	19/09/2018
2	BL PJU 10 APT PERMAI	7	20/09/2018
3	KD PJU 1A PPRT A : BLOK A,B,C	32	19/09/2018
4	KD PJU 3 CASA TROPICANA CONDO	6	15/09/2018
5	KD PJU 3 TR 1 - TR 9	13	16/09/2018
6	KD PJU 5 SEKSYEN 4 GUGUSAN SEMARAK	9	21/09/2018
7	KD PJU 5 SEKSYEN 6 GUGUSAN TANJUNG	9	22/09/2018
8	SRI PJS 5 FLAT DESA RIA	20	18/09/2018
9	SRI PJS 6 FLAT DESA MENTARI 1 : BLOK 1, 2, 3	6	14/09/2018
10	SRI SS 5C	8	19/09/2018
11	SRI SS 7 SHANG VILLA	8	14/09/2018
12	TM PJS 2D FLAT DESA MENTARI (BLOK 11)	10	14/09/2018
JUMLAH		148	

5.2 KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekutaran telah menjalankan aktiviti ***Post Control Outbreak Surveillance*** di kawasan hotspot yang melebihi 100 hari menggunakan *modified sticky ovitrap* (MSO). Aktiviti yang dijalankan ini adalah hasil usaha kerjasama pihak Entomology Universiti Malaya di Kelana Puteri Kondominium dan ianya akan dijalankan selama 6 bulan mulai 21 Ogos 2018.

5.3 PROGRAM SEDAR

Pasukan SEDAR, masih aktif lagi dilaksanakan. Sehingga kini, sebanyak **230 pasukan SEDAR** telah ditubuhkan dan di perluaskan kepada lokasi-lokasi seperti berikut:

- 1) 153 Pasukan SEDAR Komuniti
- 2) 61 Pasukan SEDAR Sekolah
- 3) 5 Pasukan SEDAR Tapak Binaan
- 4) 7 Pasukan SEDAR MBPJ
- 5) 2 Pasukan SEDAR Kilang (Western Digital dan Dutch Lady)
- 6) 1 Pasukan SEDAR Hospital (KPJ Damansara Specialist Hospital)
- 7) 1 Pasukan SEDAR Masjid (Masjid Kampung Baiduri)

Sekian, terima kasih.